

**Titah Ucapan
Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Istiadat Pelantikan & Mengangkat Sumpah
Menteri Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Isnin, 14 Ogos 2023
3.30 petang
Istana Besar Seri Menanti**

Bismillahhir Rahmanir Rahim

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, maka Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat hadir ke Majlis Pelantikan Menteri Besar Negeri Sembilan pada pagi ini.

2. Beta mengucapkan tahniah kepada semua wakil yang telah dipilih oleh rakyat untuk ke Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dalam Pilihanraya Negeri ke-15 pada 12 Ogos yang lalu. Alhamdulillah, proses Pilihanraya telah berjalan dengan lancar tanpa kekacauan dan kekecohan yang serius. Di kesempatan ini juga, Beta menzahirkan ucapan terima kasih kepada bekas Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah memberikan khidmat

pada penggal yang lepas. Kepada calon yang tidak dipilih dalam pilihanraya kali ini, Beta berharap kamu semua terus menabur bakti dan sumbangan kepada masyarakat.

3. Kebelakangan ini Kerajaan Negeri Sembilan telah menambah baik kualiti pengurusan dan pentadbiran terutama dari sudut integriti dan kecekapan. Namun, pada penggal lepas, terdapat pihak yang cuba untuk menggugat kestabilan kerajaan tanpa sebarang sebab yang munasabah, sebaliknya hanya bermotifkan kepentingan peribadi. Sedarlah bahawa tindakan seperti ini tidak mendatangkan sebarang kebaikan, malah ianya menyebabkan pentadbiran negeri terjejas dan rakyat menjadi mangsa. Beta mengingatkan semua wakil rakyat yang telah dipilih, bahawa kamu telah diamanahkan oleh rakyat untuk menyuarakan segala permasalahan serta keperluan mereka dalam merangka dan melaksanakan sesuatu dasar atau keputusan. Justeru, fokus dan keutamaan kamu adalah kepada kepentingan dan perkhidmatan untuk rakyat negeri ini. Ini

kerana kesetiaan utama kamu ialah untuk negeri, bukannya kepada mana-mana parti politik ataupun keperluan peribadi.

4. Negeri ini amat memerlukan pemimpin yang beramanah tinggi, bermaruah tinggi dan berpendirian tinggi, dalam Bahasa Inggeris, *persons of honour* sesuai dengan gelaran Yang Berhormat yang kamu terima. Menyalahgunakan kuasa dan kedudukan yang ada akan menjurus kepada ketidakadilan serta kerapuhan pelaksanaan sesuatu dasar yang telah dirangka untuk kebaikan rakyat.

5. Beta juga suka mengingatkan semua wakil rakyat supaya sentiasa bekerjasama dan memelihara tertib serta mengambil bahagian dengan baik dalam setiap perbincangan mengenai sesuatu permasalahan, terutamanya ketika Dewan Undangan Negeri bersidang kelak. Ini bagi memastikan, rakyat Beta di

negeri yang Beta kasihi ini akan sentiasa mendapat nikmat daripada setiap dasar yang dirangka dan dilaksanakan.

6. Bagi menyempurnakan istiadat pada petang ini, dengan lafaz Bismillahi rahmanirrahim, Beta dengan sukacita melantik Yang Berhormat Aminuddin bin Harun sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan. Beta menaruh kepercayaan kepada beliau untuk terus berkhidmat dengan bersungguh-sungguh dan jujur. Beta juga amat yakin, bahawa amanah yang diberikan akan dilaksanakan dengan penuh integriti dan seluruh rakyat Beta dapat menikmati dan merasai hasil pembangunan negeri yang bertuah ini. Beta berpesan agar kecemerlangan yang telah ditunjukkan pada penggal yang lalu, diteruskan dan diperbaiki sekiranya ada terdapat sebarang kelemahan.

7. Beta ingin terus melihat kerajaan ini ditadbir dengan asas-asas ketelusan dan akauntabiliti yang kukuh. Di samping

itu, Beta mahu semua urusan pentadbiran di jabatan-jabatan serta agensi kerajaan yang ada di negeri ini bebas daripada sebarang unsur penyelewengan serta salah guna kuasa, dan seterusnya Kerajaan Negeri Sembilan menjadi contoh kerajaan yang bersih dan adil.

8. Beta mengingatkan jabatan dan agensi kerajaan agar melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi tanpa ada kecondongan kepada mana-mana fahaman politik, warna kulit dan agama. Beta turut menyeru kepada seluruh anggota tentera dan polis serta semua agensi keselamatan untuk terus berkhidmat kepada Raja dan Negara. Juga kepada badan kehakiman, agensi penguatkuasaan seperti SPRM dan unit pendakwaan, Beta berpesan supaya terus berkhidmat dengan bebas dan profesional berpaksikan keadilan dan kesaksamaan.

9. Mengakhiri titah, Beta mengingatkan semua bahawa setiap agama, bangsa dan budaya mempunyai amalan nilai-nilai murni masing-masing. Sesuatu kaum perlu menghormati amalan nilai-nilai murni kaum yang lain. Ini akan menyemai semangat kebersamaan antara kita seterusnya keharmonian dan perpaduan hidup di antara rakyat pelbagai kaum dapat diperteguhkan.

Sekian,

Wabillahittaifiq Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.